

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA, TAHUN KEEMPAT
DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS
PERAK DARUL RIDZUAN
PADA HARI ISNIN, 30 OGOS 2021

1. YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU (CHENDERIANG)

Kutipan premium merupakan di antara hasil tanah yang menyumbang kepada kutipan keseluruhan hasil negeri Perak, di samping kutipan cukai tanah pada setiap tahun. Terdapat rungutan di kalangan pemain industry perumahan bahawa Kerajaan Negeri tidak mempertimbangkan sebarang bentuk rayuan pengurangan premium, disaat industry pernajuan harta tanah mendepani kesan pandemic Covid-19 pada ketika ini.

- a) Bolehkah YAB Menteri Besar memperincikan jumlah kutipan premium yang Berjaya dikutip sejak 1 January 2021 sehingga kini?
- b) Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan pertimbangan ke atas permohonan pengurangan premium yang dikemukakan oeh pemaju-pemaju harta tanah di negeri Perak pada ketika ini?
- c) Bersetujukah bahawa pengurangan premium yang diberikan kepada pemaju-pemaju perumahan dapat membantu mengglakkan kembali perkembangan industry harta tanah di negeri Perak, pasca pandemic Covid-19 kelak?

2. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Seringkali berlaku gangguan bekalan air di Kawasan Laluan Perajurit, Lebuh Perajurit dan Lintasan Perajurit. Nyatakan sebab utama berlakunya gangguan ini.

- (i) Nyatakan cara penyelesaian dalam jangka masa pendek agar masalah keputusan air akan bertambah baik

3. YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM (PENGKALAN HULU)

Soalan 3

- a) Berapakan jumlah rumah mampu milik yang telah dilancarkan di Negeri Perak bermula 2017 hingga kini?
- b) Berapakah bilangan rumah yang telah siap dan telah pun dapat didiami oleh penduduk?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan pencapaian rumah mampu milik di Negeri Perak dapat tercapai?

4. YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS (KENERING)

3. Sejauh manakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pertanian dan Veterinar Negeri Perak kearah mempertingkatkan pengeluaran hasil pertanian dan ternakan pada masa kini?

- a) Berapakah jumlah tanah milik yang terbiar tidak diusahakan?
- b) Berapakah jumlah keluasan padang ragut yang masih belum dimajukan?

5. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2021, Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) akan menerima RM2.4 juta bagi tahun ini untuk pelbagai program yang dirancang.

- a) Nyatakan secara terperinci program-program yang telah dilaksanakan oleh SPW pada tahun ini.
- b) Apakah program-program yang bakal dilaksanakan?
- c) Nyatakan struktur organisasi serta jumlah perbelanjaan operasi SPW

6. YB. DATO' DR. MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA (BATU KURAU)

1. Kerajaan Negeri Perak banyak mempunyai maklumat yang mahu disampaikan kepada rakyat, tetapi rakyat kurang mendapat maklumat berkenaan.

- a) Apakah mekanisme yang digunakan Kerajaan Negeri Perak bagi menyampaikan maklumat kepada rakyat ?

- b) Sejauh manakah berkesannya penyebaran maklumat melalui semua bentuk media milik Kerajaan Negeri Perak?
- c) Apakah media-media yang lain yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Perak bagi menyampaikan maklumat ?

7. YB. DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR (CHENDEROH)

Tahniah kepada YAB Dato' Saarani bin Mohamad MB Perak yang telah memperkenal dan menjenamakan semula Program Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP) yang merupakan salah sati inisitif Kerajaan Negeri Perak dalam membantu rakyat. Terapi program ini Telah dihentikan operasinya sepanjang tempoh total lockdown PKP 3.0 Fasa 1 bermula 1 Jun 2021 sehingga kini.

- a) Adakah program KBNP ini akan diteruskan selepas ini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Perak mempunyai perancangan memperbanyak dan memperluaskan lagi operasinya dimasa yang akan datang?

8. YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN (SUNGAI RAPAT)

Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ketika ini RM2,208 mungkin berubah apabila kajian berkenaan disiapkan. Di jangkakan lebih ramai rakyat kita dalam B40 akan terjejas akibat COVID-19 berikutan ada yang dibuang pekerjaan, selain peniaga-peniaga serta industri-industri tidak dapat beroperasi seperti biasa.

Berapakah statistik terkini rakyat negeri Perak yang dibuang kerja akibat dari pada kesan penutupan banyak sektor industri serta perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana dan apakah langkah strategik kerajaan negeri setakat ini ?

9. YB ENCIK YONG CHOO KIONG (TRONOH)

Keadaan semasa dua (2) klinik kesihatan di DUN Tronoh yang memerlukan penambahbaikan.

- i. Apakah tindakan jangka panjang yang boleh diambil oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bagi menyelesaikan masalah keselesaan diruang menunggu di klinik kesihatan Tronoh yang kini hanya menggunakan khemah yang sempit untuk dijadikan ruang menunggu sementara mendapat rawatan?
- ii. Klinik Kesihatan Pusing - Adakah pihak JKN mempunyai perancang untuk berpindah ke satu bangunan yang lebih besar memandangkan penduduk di kawasan Pusing mempunyai kepadatan penduduk yang agak tinggi.
- iii. Adakah pihak JKN tidak mempunyai peruntukan untuk menaik taraf fasiliti di klinik-klinik ini?

10. YB DATO' ASMUNI BIN AWI (MANJOI)

1. Berapakah jumlah pekerja asing yang berada di negeri Perak sehingga kini mengikut sektor industri dan pertanian ?

- a. Daripada jumlah tersebut berapa ramai kah pekerja asing yang dikesan positif Covid-19?
- b. Bilakah pekerja-pekerja asing ini akan diberi vaksin

11. YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO (SELINSING)

3. Berapakah jumlah pembinaan masjid yang telah dibina pada tahun ini?

Bagaimanakah status pembinaan Masjid di Kampung Sungai Protan?

12. YB ENCIK MOHD KAMARUDDIN BIN ABU BAKAR (KUALA SEPETANG)

1. Bilakah peruntukan bagi membesarlu longkang mulai depan Masjid Ikhwaniah Simpang hingga ke Sungai Mati kerana saiz sediada tidak mampu menampung kuantiti air limpahan

13. YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI (BEHRANG)

III. PERTANIAN PERMACULTURE (PERMANENT AGRICULTURE) & PERTANIAN PENJANAAN SEMULA (REGENERATIVE AGRICULTURE).

1. Dalam keadaan pengamal-pengamal pertanian dunia berhasrat untuk beralih kepada pertanian yang lebih suci dan bersih daripada gejala racun dan baja sintetik menjelang 2025, apakah sikap Menteri Besar Perak terhadap Pertanian Permaculture dan Regenerative Agriculture.
2. Adakah pihak Kerajaan Negeri Perak berhasrat untuk mewujudkan suatu jawatankuasa khas mengurus dan menangani tuntutan pengamalan pertanian penjanaan semula (regenerative agriculture)

14. YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR (PASIR PANJANG)

3. Kerajaan Negeri Perak telah meluluskan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) bernilai RM19.5 juta dan tambahan lagi sebanyak RM6.2 juta setelah mengambil kira keluhan dan rintihan rakyat yang terkesan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0).
 - a. Berapakah statistik jumlah penerima yang dijangkakan mendapat manfaat bagi setiap inisiatif yang ada di bawah pakej tersebut?
 - b. Berikan statistik kedudukan serta tinjauan kewangan kerajaan negeri dan pertumbuhan KDNK untuk tahun 2019, 2020 dan tahun 2021?
 - c. Bagaimana strategi kerajaan negeri dalam menguruskan konsolidasi defisit fiskal dan memperkuat kewangan awam negeri secara bertanggungjawab sehingga ekonomi kembali pulih?

15. YB ENCIK MASLIN SHAM BIN RAZMAN (BUKIT CHANDAN)

2. Liputan internet dan kemudahan peranti
 - a) Apakah Langkah kerajaan memastikan liputan internet yang meluas bagi membolehkan rakyat bekerja dan belajar dari rumah?
 - b) Berapakah peratus atau bilangan pelajar dari keluarga B40 telah dibantu dengan peranti oleh kerajaan negeri?

16. YB ENCIK LOH SZE YEE (JALONG)

Soalan Lisan 3

Nyatakan perkembangan terbaru Projek MASMA serta maklumat perlaksanaannya.

17. YB. DATO' DR. MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA (BATU KURAU)

3. Pendaftaran dan pengambilan Vaksin untuk menghindari Covid-19:-

- a) Sejauh manakah kerajaan negeri terlibat dalam membantu menggalakkan rakyat mendaftar untuk pengambilan vaksin bagi menghindari wabak Covid-19 yang masih berleluasa?
- b) Di kawasan manakah yang mempunyai bilangan teramai dan terendah dalam pendaftaran untuk Vaksin setakat ini?
- c) Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan Negeri Perak sekiaranya ada pihak/rakyat yang tidak mahu mengambil Vaksin untuk menghindari penyakit Covid-19?

18. YB CIK NG SHY CHING (TEJA)

3. Keganasan rumah tangga

- a) Sila senaraikan jumlah kes keganasan rumah tangga yang telah dilaporkan mengikut daerah bagi tahun 2017 sehingga 2021.

- b) Sila nyatakan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas kes dalam (a).
- c) Sila nyatakan peruntukan yang disediakan serta usaha kerajaan negeri dalam menyediakan bantuan kepada mangsa, termasuk talian bantuan, kempen kesedaran, khidmat kaunseling, bantuan guaman, tabung dana kecemasan, pusat perlindungan dan sebagainya.

19. YB DR JURIJ BIN JALALUDIN (LUBOK MERBAU)

- 3. Banyak industri terkesan dari pademik covid-19. Nyatakan berapa banyak kilang2 yang ditutup setakat ini?
- a) Berapakah kerugian yang kerajaan negeri terpaksa tanggung akibat penutupan industri-industri tersebut?
- b) Bagaimana nasib para pekerja yang diberhentikan?
- c) Berapa jumlah pengangguran di Negeri Perak sepanjang tahun 2021?

20. YB ENCIK TEOH YEE CHERN (ASTAKA)

- 3. Memandangkan negeri Perak bersedia untuk beralih ke fasa ketiga Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dan selanjutnya, vaksin yang mencukupi adalah sangat penting bagi negeri Perak. Adakah kerajaan negeri Perak telah membuat keputusan untuk membeli vaksin sendiri yang diluluskan oleh Agensi Regulatori Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA)?
 - a) Sila nyatakan jumlah wang yang diperlukan untuk membeli vaksin untuk negeri Perak sekiranya kerajaan negeri bersedia untuk membeli vaksin sendiri.
 - b) Sekiranya kerajaan negeri tidak bersedia untuk membeli vaksin sendiri, sila nyatakan sebab-sebabnya

21. YB ENCIK YAHDYA BIN MAT NOR (PASIR PANJANG)

- 2. Menerusi program Tuisyen Cikgu Saarani (TCS) yang bermula pada awal Februari 2021, telefon pintar jenama YES telah diedarkan kepada pelajar khususnya daripada keluarga miskin dan berpendapatan rendah bagi menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

- a) Berapakah statistik telefon pintar ini yang telah berjaya diedarkan kepada golongan sasar mengikut DUN?
- b) Apakah model, spesifikasi lengkap dan harga pasaran semasa telefon pintar tersebut?
- c) Bagaimana strategi kerajaan negeri dalam membantu pelajar dalam menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)?

22. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

- 2. Tentang pendamik Covid-19 di negeri Perak
 - i) Sila berikan jumlah peratusan terkini pesakit-pesakit ini mengikut kaum?
 - ii) Sila berikan jumlah peratusan jenis vaksin iaitu Pfizer, Sinovac dan lain-lain yang telah diberi?
 - iii) Jumlah rakyat yang belum mendaftar terima vaksin masih banyak, apakah pendekatan diambil kerajaan selain galakan jenis kempen?

23. YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN (BUNTONG)

- 1. Masalah Banjir Kilat di Jalan Kledang Utara (Bersebelahan AEON Big Falim).
 - a) Masalah banjir kilat sering berlaku di Jalan Kledang Utara di Falim semasa hujan lebat sejak berbulan lamanya dan ia menyebabkan kesesakan dan kerosakan kenderaan. Apakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan bagi memperbesarkan laluan aliran Sungai Buntong bagi memastikan banjir kilat tidak berlaku di jalan utama tersebut?
 - b) Sila nyatakan bilakah rancangan ini akan dilaksanakan bagi membantu menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan tersebut?
 - c) Sila nyatakan jumlah kos keseluruhan bagi melaksanakan projek tersebut?

24. YB DATO' ASMUNI BIN AWI (MANJOI)

2. (a) Berapakah jumlah penduduk negeri Perak yang sepatutnya menerima vaksin Covid-19?
- (b) Berapa ramai penduduk di negeri Perak yang telah lengkap menerima kedua-dua dos vaksin?
- (c) Bolehkah kerajaan negeri menyelesaikan proses vaksinasi penduduk negeri Perak selewat-lewatnya pada suku pertama tahun 2022? Jika tidak boleh, nyatakan apakah halangannya?

25. YB ENCIK TAN KAR HING (SIMPANG PULAI)

1. Ekonomi gigi
- a. Apakah kerajaan negeri mempunyai angka-angka tentang sektor yang baharu ini dan setakat mana kesan wabak covid-19 terhadap sektor tersebut.
- b. Apakah usaha kerajaan negeri dalam membangunkan sektor ekonomi tersebut?

26. YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)

1. Apakah tindakan jangkamasa Panjang dan jangkamasa pendek pengurusan lebihan sisa tinja ayam dan itik yang tidak diproses oleh penternak ladang dan akhirnya mengganggu kelestarian alam?
 - a) Apakah perancangan kerajaan negeri dalam memastikan Akta Unggas 2015 di tambah baik penguatkuasaan?
 - b) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk melaksanakan pengurusan tinja 'Zero Discharge' atau mengoptimumkan proses rawatan tinja?

27. YB ENCIK HOWARD LEE CHUAN HOW (PASIR PINJI)

Soalan 1

Untuk pengetahuan umum, ADUN Pasir Pinji kini sedang menggiatkan satu program Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak yang memberi tumpuan terhadap warga Pasir Pinji, khasnya untuk membantu warga

yang rentan, iaitu mereka yang tidak arif menggunakan peralatan teknologi, mereka yang tidak mempunyai pengangkutan dan mereka yang sakit dan OKU. Program ini disokong penuh oleh beberapa syarikat dan HCO yang mengambil keputusan sendiri untuk membantu warga yang terpinggir. Dengan kapasiti sukarelawan yang berjaya kami gemblengkan, PPV Bergerak ini boleh menjadi program pemacu untuk kesemua ADUN memainkan peranan masing-masing.

Sekiranya projek perintis ini dianggap berjaya dalam mempercepat usaha kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok, adakah Kerajaan Negeri mempunyai aspirasi dan kehendak yang seajar untuk menyokong dan memberikan peruntukan kepada mana-mana kawasan DUN yang turut mahu mengikut rentak yang sama?

28. YB ENCIK NGA KOR MING (AULONG)

2. Peruntukan Hal Ehwal bukan Islam

Minta YAB Menteri Besar nyatakan secara terperinci jumlah sebenar peruntukan yang diberi untuk tujuan hal ehwal bukan Islam, jumlah perbelanjaan sebenar dan apakah program yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 dan 2021.

29. YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)

2. Adakah Jabatan Kesihatan Negeri Perak bersedia untuk mewujudkan PPV di Kawasan DUN Trong memandangkan jarak lokasi PPV terdekat bagi penduduk Kawasan DUN Trong melebihi 30 km?

Mengapa terdapat ramai warga DUN Trong terpaksa menerima vaksin di DUN Selama yang jaraknya melebihi 80km?

30. YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI (MANONG)

ISU TIADA LIPUTAN INTERNET DI BEBERAPA LOKASI DI DUN MANONG MASIH BERLAKU HINGGA HARI INI WALAUPUN TELAH DIBAWA KE DALAM SIDANG SEBELUM INI. WALAUPUN DIMAKLUMKAN BEBERAPA TINDAKAN TELAH DIAMBIL NAMUN

SEHINGGA HARI INI, MASIH TIADA PERUBAHAN DAN TELAH MENIMBULKAN BEBERAPA MASALAH TERUTAMANYA DALAM PROSES PDPR DAN USAHAWAN KECIL.

I) BOLEHKAH PIHAK KERAJAAN NEGERI MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH SEGERA BAGI MEMBANTU ISUINI AGAR TIADA PELAJAR KAMI DI DUN MANONG TERTINGGAL DALAM PROSES PDPR?

31. YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM (TITI SERONG)

1. Berkaitan dengan isu tanah di Kuala Bagan Tiang. Status tanah seluas 47 ekar tersebut masih dimiliki oleh kerajaan Negeri.

i. Bagaimanakah kerajaan negeri hendak memantau tanah-tanah yang telah diserahkan kepada pihak GLC sama ada status tersebut telah selesai atau masih dalam peringkat mendapatkan status?

ii. Adakah pihak kerajaan negeri bersetuju sekiranya penglibatan penduduk tempatan dalam perancangan pembangunan terutamanya di kawasan sensitif alam sekitar seperti hutan simpan, pertanian dan nelayan dititikberatkan?

32. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Masalah Infrastruktur awam di Ipoh

i) Sila jelaskan mengapa lampu isyarat yang diselenggara oleh JKR, di bahagian flyover PLUS highway ke Jalan Bercham, ada yang terlanggar tidak dipasang semula, dan ada bahagian yang ada lampu isyarat tetapi tidak berfungsi?

ii) Sila jelaskan mengapa banyak lampu jalan diselenggara oleh JKR, dari Jalan Tasek bahagian Hotel MH hingga ke bahagian flyover lamdasan kereta dekat Kg Tasek, dan bahagian Jalan Kuala Kangsar dari Kawasan Perindustrian IGP ke AEON Klebang, tidak berfungsi dan menyebabkan kawasan ini gelap gelita dan membahayakan pengguna jalan?

iii) Sila jelaskan mengapakan banyak lampu jalan di jalan alternatif PLUS highway di bahagian Stesen Minyak Shell AH2, E1, Lot 208415, dan susur masuk atau masuk dari Bercham tidak berfungsi dan seakan-akan tiada orang membuat pemeriksaan rutin?

33. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED (TEMENGOR)

3. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk merangka program bantuan kepada bakal ibu dan ibu bersalin. Bantuan ini bertepatan dengan sasaran untuk meringkan beban keluarga yang bakal menerima cahaya mata terutama yang terjejas akibat pandemik Covid-19?

34. YB ENCIK TEOH YEE CHERN (ASTAKA)

2. Menteri Besar Perak telah mengatakan bahawa antara strategi untuk negeri Perak beralih ke fasa ketiga Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dengan lebih cepat adalah membuka lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di negeri Perak. Terdapat tiga pertubuhan agama dan masyarakat Cina di daerah Manjung, iaitu Gereja Methodist Pioneer Kg. Koh, Pantai Remis Moral Uplifting Association dan Persatuan Kutien Manjung telah menawar kepada kerajaan negeri bahawa sudi menyewa dewan atau tempat kepada kerajaan negeri supaya lebih banyak PPV boleh dibuka di daerah Manjung dan memanfaatkan warga Manjung.

a) Adakah kerajaan negeri sudi untuk menerima tawaran ini daripada ketiga-tiga pertubuhan tersebut di atas supaya negeri Perak boleh beralih ke fasa ketiga Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dengan lebih cepat?

b) Sekiranya kerajaan negeri tidak bersedia untuk menerima tawaran tersebut, sila nyatakan sebab-sebabnya.

c) Sekiranya kerajaan negeri bersedia untuk menerima tawaran tersebut, adakah kerajaan negeri merancang untuk manjadikan ketiga-tiga tempat itu PPV pandu lalu memandangkan ketiga-tiga tempat itu mempunyai tempat letak kenderaan yang luas dan sesuai

35. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)

1. BUKIT KLEDANG MENGLEMBU BERPOTENSI UNTUK DIJADIKAN TEMPAT TARIKAN PELANCONG. ADAKAH PIHAK KERAJAAN MEMPUNYAI PERANCANGAN UNTUK MEMBANGUNKAN TEMPAT TERSEBUT?

36. YB DATO' MOHAMAD AZHAR BIN JAMALUDDIN (CHANGKAT JONG)

1. PENDIDIKAN

Pandemik COVID-19 telah mengubah sistem pembelajaran pelajar di sekolah. Maka, kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR) dilaksanakan. Ramai pelajar di bandar dan terutama di luar bandar yang tergolong dalam kategori B40 dan golongan rentan terkesan dan dikuatir tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya kerana kekurangan peranti serta tiada capaian internet.

Soalan saya :

(a) Nyatakan statistik bilangan pelajar sekolah-sekolah rendah dan menengah di setiap daerah yang terkesan akibat PdPR ?

(b) Berapakah bilangan peranti yang diperlukan oleh pelajar-pelajar dikalangan B40 dan golongan rentan dalam Daerah Hilir Perak bagi tujuan PdPR ?

(c) Apakah nama kawasan di Kampung dan Taman Perumahan yang tiada capian internet atau sentiasa menghadapai capaian internet yang perlahan dalam Daerah Hilir Perak yang boleh mengganggu perlaksanaan PdPR ?"

37. YB ENCIK YONG CHOO KIONG (TRONOH)

3. Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

- I. Di DUN Tronoh cuma terdapat satu Pusat Pemberian Vaksin di sediakan, adakah PPV ini dapat menampung jumlah penduduk di DUN Tronoh?
- II. Berapa ramaikah jumlah penduduk yang boleh menerima vaksin sehari di PPV yang disediakan.
- III. Berapa lamakah masa yang akan diambil bagi menyelesaikan

pemberian vaksin kepada keseluruhan penduduk di DUN Tronoh?

38. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

3. Faktor utama berlakunya banjir kilat di Kg. Simee.
(i) Apakah cadangan-cadangan kerajaan negeri untuk menangani masalah banjir kilat dalam Kawasan Jalan Pasar, Jalan Taman Star, Laluan Simee 11, dan Laluan Simee 13, di Kg. Simee

39. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)

Situasi pandemik COVID-19 menyebabkan ramai orang menggunakan kemudahan rangkaian talian internet yang mana kerajaan negeri perlu menambaik kemudahan rangkaian talian Internet tersebut.

- a). Adakah sebarang penawaran harga pakej rangkaian talian internet yang lebih rendah untuk keluarga miskin.
b). Memperkenalkan harga pakej rangkaian talian internet baru yang lebih rendah bagi membantu mereka yang berada dalam tempoh kesukaran

40. YB ENCIK HOWARD LEE CHUAN HOW (PASIR PINJI)

Soalan 2

Di sebalik setiap program vaksinasi kebangsaan semenjak mulanya lagi, wira-wira yang tidak didendangkan yang bertungkus lumus berkhidmat, seperti sukarelawan belia, masih lagi tidak menerima vaksin. Mereka berkhidmat setiap hari demi warga-warga berisiko untuk membantu kerajaan mencapai sasaran imuniti kelompok, namun mereka tidak diberikan perlindungan yang sebaik-baiknya.

Kita juga sering memperkatakan bahawa belia adalah pemimpin negara, pemacu generasi akan datang, tetapi adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai niat yang baik untuk mengambil tindakan mempercepatkan pemberian vaksin kepada belia di Negeri Perak ini, terutamanya bagi belia yang di barisan hadapan di setiap PPV?

41. YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO (*SELINSING*)

1. Bagi meningkatkan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) antaranya adalah kawal selia kemudahan infrastruktur mestilah diutamakan.

Jadi, sila nyatakan masalah-masalah yang timbul di pihak PBT dalam menyelesaikan rungutan kawal selia tersebut?
